

Polisi dan Prosedur

■ Nama Polisi: Polisi Keahlian Entiti Penyelidikan UTM

Nombor Polisi: UTM P.I.0.1

Diluluskan
Oleh: Senat UTM Bil.1/2015/2016 : 17 Jun 2015

Tarikh Kuat
kuasa: 1 Julai 2015

Semakan
Terakhir: 17 Jun 2015

SEKSYEN 1 – PENGENALAN	2
TUJUAN	2
SKOP	2
DEFINISI	3
KONTEKS PERUNDANGAN	4
SEKSYEN 2 – POLISI	4
PRINSIP	4
POLISI	4
SEKSYEN 3 – PROSEDUR	6
PROSEDUR	6
DOKUMEN SOKONGAN	9
SEKSYEN 4 – TADBIR URUS	9
TANGGUNGJAWAB	9
KAWALAN VERSI DAN KRONOLOGI PERUBAHAN	9

SEKSYEN 1 – PENGENALAN

TUJUAN

Polisi ini bertujuan memberikan garis panduan dan peraturan kepada entiti penyelidikan di Universiti Teknologi Malaysia iaitu Kumpulan Penyelidikan (Research Group), Pusat Penyelidikan (Research Centre), Pusat Kecemerlangan (Centre of Excellence), Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi (Higher Institution Centre of Excellence), Fakulti dan Penyelidikan Bersekutu (Research Alliance) untuk mentadbir urus keahlian masing-masing.

Keahlian kepada sesebuah entiti penyelidikan merujuk kepada keterlibatan seseorang staf akademik dalam kerja harian untuk entiti penyelidikan tersebut. Polisi ini adalah untuk menetapkan peranan dan sumbangan seorang staf akademik terhadap entiti-entiti berkaitan penyelidikan seperti Kumpulan Penyelidikan (Research Group), Pusat Penyelidikan (Research Centre), Pusat Kecemerlangan (Centre of Excellence), Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi (Higher Institution Centre of Excellence), Fakulti dan Penyelidikan Bersekutu (Research Alliance).

Polisi keahlian staf akademik di entiti penyelidikan meliputi beberapa perkara utama yang dijadikan polisi iaitu;

- i. Entiti penyelidikan
- ii. Keahlian
- iii. Prosedur
 - a. Proses Pelantikan dan Pemantauan Keahlian
 - b. Kerangka Tugas dan Tanggungjawab Pentadbir
 - c. Tugas dan Tanggungjawab Penyelidik
 - d. Sumbangan kepada Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

SKOP

Polisi dan prosedur ini terpakai kepada semua staf akademik dan penyelidik yang dilantik oleh Universiti Teknologi Malaysia.

DEFINISI

Perkataan / Istilah / singkatan	Definisi
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
RG	Kumpulan Penyelidikan (Research Group) adalah staf akademik yang bersatu untuk menjadi satu kumpulan penyelidikan yang mempunyai tema penyelidikan bersama.
SDRG	Kumpulan Penyelidikan Disiplin Tunggal (Single-Discipline Research Group) adalah staf akademik yang bersatu untuk menjadi satu kumpulan penyelidikan yang mempunyai tema penyelidikan dan bidang yang sama.
MDRG	Kumpulan Penyelidikan Disiplin Berbilang (Multi-Discipline Research Group) adalah staf akademik yang bersatu untuk menjadi satu kumpulan penyelidikan yang mempunyai tema penyelidikan yang sama tetapi pelbagai bidang.
RC	Pusat Penyelidikan (Research Centre) adalah pusat yang diiktiraf oleh Senat dan Lembaga Pengarah Universiti (LPU), beroperasi sebagai Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan salah satu daripada entiti di bawah naungan sesebuah pusat kecemerlangan (Centre of Excellence) yang dinamakan sebagai institut.
CoE	Pusat Kecemerlangan (Centre of Excellence) adalah pusat yang diiktiraf oleh Senat dan Lembaga Pengarah Universiti (LPU) dan beroperasi sebagai Pusat Tanggungjawab (PTJ).
HICoE	Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi (Higher Institution Centre of Excellence)
Fakulti	Fakulti di Universiti Teknologi Malaysia
RA	Penyelidikan Bersekutu (Research Alliance)
RF	Felo Penyelidik (Research Fellow) adalah staf akademik yang menjadi ahli sepenuh masa CoE atau RC
ARF	Felo Penyelidik Bersekutu (Associate Research Fellow) adalah staf akademik yang menjadi ahli separuh masa CoE atau RC
RNA	Bidang tujahan penyelidikan (Research Niche Area)
PTJ	Pusat Tanggungjawab
KPI	Petunjuk Prestasi Utama (Key Performance Indicator)
MyRA	Taksiran Penyelidikan Malaysia

KONTEKS PERUNDANGAN

Nama	Bahagian/ Rujukan
Kod Etika Profesional dan Akademik UTM	Semua bahagian.
Polisi dan Prosedur Penubuhan, Pembubaran dan Atribut Entiti Akademik 2013	Semua bahagian.

SEKSYEN 2 - POLISI

PRINSIP

1. Universiti beriltizam dalam memastikan keahlian entiti penyelidikan adalah secara telus dan tekal dari segi penamaannya.
2. Keberkesanan pengurusan sumber manusia di dalam aktiviti penyelidikan.
3. Merangsang aktiviti dan meningkatkan prestasi entiti penyelidikan melalui penglibatan pakar luar.
4. Menggalakkan pelestarian kohort penyelidik demi kesinambungan mampan.

POLISI

1. Entiti Penyelidikan

- 1.1. Kumpulan penyelidikan (RG) perlu mempunyai keahlian sepenuh masa sekurang-kurangnya lima (5) orang kecuali dalam kes-kes tertentu yang diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Senat (Penyelidikan & Inovasi).
- 1.2. Pusat penyelidikan (RC) mesti mempunyai keahlian sepenuh masa sekurang-kurangnya lima (5) orang untuk teras penyelidikan dan inovasi (R&I), dan empat (4) orang untuk teras perkhidmatan dan perundingan (S&C).
- 1.3. Pusat Kecemerlangan (CoE) boleh terdiri daripada dua (2) kategori, iaitu:
 - i. CoE yang menjadi penaung kepada beberapa buah RC. Keahlian sebuah CoE terdiri dari ahli-ahli RC yang bernaung di bawahnya.
 - ii. CoE yang berdiri sendiri.
- 1.4. CoE perlu menyerlah dalam sekurang-kurangnya satu (1) bidang tujahan penyelidikan.

1.5. CoE mesti berteraskan sama ada penyelidikan dan inovasi (R&I) atau perkhidmatan dan perundingan (S&C).

2. Keahlian

2.1. Staf akademik wajib memilih satu bidang tujuan penyelidikan (research niche area) yang ditentukan oleh universiti. Bidang tujuan penyelidikan tersebut adalah:

- i. Bahan Terkehadapan (Frontier Materials)
- ii. Kesihatan dan Kesejahteraan (Health and Wellness)
- iii. Kejuruteraan Inovatif (Innovative Engineering)
- iv. Kelestarian Sumber (Resource Sustainability)
- v. Komuniti Digital Pintar (Smart Digital Community).

2.2. PTJ hakiki staf akademik mestilah berdasarkan fakulti asal di mana staf tersebut dilantik dalam perkhidmatan.

2.3. Staf akademik wajib mendaftar sebagai ahli sepenuh masa kepada salah satu entiti penyelidikan, iaitu:

- i. RG
- ii. RC
- iii. CoE

2.4. Staf akademik mesti menyertai RG yang diiktiraf oleh Jawatankuasa Tetap Senat (Penyelidikan dan Inovasi). Dua kategori kumpulan penyelidikan ialah:

- i. Kumpulan Penyelidikan Disiplin Berbilang (MDRG) yang diseliasa oleh Dekan RA.
- ii. Kumpulan Penyelidikan Disiplin Tunggal (SDRG) yang diseliasa oleh Dekan Fakulti.

2.5. Staf akademik juga boleh menjadi Felo Penyelidik Bersekutu (ARF) di CoE atau RC.

2.6. Staf akademik yang telah menjadi Felo Penyelidik (RF) di CoE atau RC boleh menjadi ARF di CoE atau RC lain.

2.7. Staf akademik yang telah menjadi RF di CoE atau RC tidak boleh menjadi RF di CoE atau RC lain.

2.8. Individu luar UTM boleh dilantik sebagai ARF kepada CoE, RC dan RG.

SEKSYEN 3 – PROSEDUR

1. Proses Pelantikan dan Pemantauan Keahlian

- 1.1. Proses pelantikan merujuk kepada pelantikan keahlian staf akademik;
 - i. Sebagai RF di CoE atau RC.
 - ii. Sebagai ARF di CoE atau RC.

- 1.2. Ahli RG tidak perlu dilantik secara rasmi kecuali ketua RG tersebut sahaja yang mana surat pelantikan akan dikeluarkan oleh pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi). Proses pendaftaran keahlian RG adalah melalui permohonan staf akademik kepada ketua RG. Sekiranya ahli RG ingin keluar dari kumpulan tersebut dan menyertai RG yang lain, persetujuan dari ketua RG yang lama dan baharu perlulah dibuat secara rasmi dan mendapat perakuan samada dari Dekan RA atau Dekan Fakulti. Permohonan untuk menukar keahlian RG hanya dibenarkan selepas setahun dan berkuatkuasa pada bulan Januari setiap tahun berdasarkan Penilaian Prestasi Tahunan.

- 1.3. Proses permohonan dilakukan melalui borang permohonan yang disediakan oleh pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi).

- 1.4. Pelantikan keahlian RF dan ARF di CoE atau RC mesti diperakukan oleh:
 - i. Dekan Fakulti sebagai PTJ hakiki.
 - ii. Pengarah CoE atau RC sebagai entiti keahlian.

- 1.5. Pegawai melantik adalah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) dan surat pelantikan dikeluarkan oleh pejabat TNCPI selepas mendapat perakuan yang lengkap.

- 1.6. Tempoh lantikan RF dan ARF adalah selama tiga (3) tahun.

- 1.7. Lantikan RF dan ARF di CoE atau RC serta Ketua dan ahli RG tidak disertai dengan apa-apa imbuhan kewangan.

- 1.8. Pemantauan keahlian seperti tarikh lantikan, tarikh luput, pertukaran dan penamatan keahlian dipantau oleh entiti penyelidikan tersebut.

- 1.9. RF dan ARF yang telah dilantik boleh menarik diri dari menjadi ahli entiti penyelidikan dengan syarat beliau memberi notis sekurang-kurangnya sebulan.

- 1.10. Ketua RG, Pengarah Kanan atau Pengarah CoE dan RC juga perlu memberi notis sekurang-kurangnya sebulan sebelum penarikan diri sebagai Ketua RG, Pengarah Kanan atau Pengarah CoE dan RC.

1.11. Pihak Universiti boleh menamatkan lantikan mana-mana RF dan ARF di CoE atau RC serta Ketua RG yang telah dilantik dengan memberikan sebulan notis secara bertulis.

2. Kerangka Tugas dan Tanggungjawab Pentadbir

2.1. Pejabat Naib Canselor

- i. melantik Dekan Fakulti.
- ii. melantik Dekan RA.
- iii. melantik Pengarah Kanan atau Pengarah CoE atau RC.
- iv. melantik TDPI.

2.2. Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

- i. melantik RF dan ARF.
- ii. menamatkan lantikan RF dan ARF.
- iii. melantik ketua RG.

2.3. Pengarah Kanan atau Pengarah CoE

- i. menyokong lantikan RF dan ARF.
- ii. memantau hal keahlian seperti tarikh lantikan, tarikh luput, pertukaran dan penamatan keahlian CoE atau RC.
- iii. memantau dan menilai prestasi RF dan ARF.

2.4. Dekan Fakulti atau Dekan RA

- i. memperakukan lantikan RF dan ARF.
- ii. memantau dan menilai prestasi ARF.

2.5. Pengarah RC

- i. menyokong lantikan RF dan ARF.
- ii. memantau hal keahlian seperti tarikh lantikan, tarikh luput, pertukaran dan penamatan keahlian CoE atau RC.
- iii. memantau dan menilai prestasi RF dan ARF.

2.6. Ketua RG

- i. memperakukan lantikan ahli RG.
- ii. memantau prestasi ahli RG.

3. Tugas dan Tanggungjawab Penyelidik

3.1. RF di CoE atau RC

- i. memenuhi tanggungjawab KPI seperti yang dinyatakan dalam bahagian 4 - Sumbangan kepada KPI.
- ii. memberi keutamaan kepada keperluan KPI dan kecemerlangan CoE seperti penjanaan dana pendapatan (income generation) dan perundingan.

3.2. ARF di CoE atau RC

- i. memenuhi tanggungjawab KPI seperti yang dinyatakan dalam bahagian 4 - Sumbangan kepada KPI.
- ii. memberi keutamaan kepada keperluan KPI Fakulti seperti pengajaran, penyeliaan, akreditasi dan penerbitan.

3.3. Pengarah CoE atau RC dan Ketua RG

- i. menyediakan kepimpinan yang betul untuk pembangunan staf akademik atau penyelidik yang berwibawa di bawah kumpulan.
- ii. menilai prestasi ahli-ahli kumpulan yang berasaskan instrumen Taksiran Penyelidikan Malaysia (MyRA).
- iii. mengemukakan laporan KPI pada masa yang sesuai kepada Dekan RA atau Dekan Fakulti.
- iv. bekerjasama dengan pihak RA dan Fakulti dalam mencapai misi penyelidikan UTM.

3.4. RF dan ARF di CoE atau RC, serta ketua PTJ dan ahli entiti penyelidikan adalah sentiasa terikat dengan peraturan-peraturan Universiti.

3.5. Tanggungjawab ARF dari luar UTM adalah tertakluk kepada persetujuan entiti yang melantik.

4. Sumbangan kepada Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

4.1. Semua dapatan dan hasil penyelidikan yang diukur sebagai KPI boleh dituntut secara berganda oleh PTJ berlainan.

4.2. Penetapan KPI adalah berdasarkan KPI yang ditetapkan menurut sistem penilaian prestasi atas talian (eLPPT) terkini.

4.3. Hasil dapatan yang menjadi ukuran adalah berdasarkan perkara-perkara yang disenaraikan dalam eLPPT.

4.4. Wajaran KPI penyelidikan yang ditetapkan adalah seperti berikut:

- i. ARF di CoE atau RC adalah sama dengan staf akademik di Fakulti (ahli RG).

- ii. RF di CoE atau RC adalah 20 peratus lebih daripada staf akademik di Fakulti.
- iii. RF atau ARF di CoE atau RC bukan warganegara adalah 30 peratus lebih daripada staf akademik di Fakulti.
- iv. RF yang berstatus “Total Research” dan tidak ada beban pengajaran adalah 70 peratus lebih daripada staf akademik di Fakulti.

LAMPIRAN

- LAMPIRAN 1 Borang pendaftaran bidang tujahan / keahlian kumpulan penyelidikan (Niche Area / Research Group (RG) Membership Registration Form)
- LAMPIRAN 2 Borang permohonan keahlian Pusat Kecemerlangan atau Pusat Penyelidikan (Centre of Excellence (CoE) / Research Centre (RC) Membership Application Form)

DOKUMEN SOKONGAN

Borang dan Pengurusan Rekod

Borang	Lokasi
Kod Etika Profesional dan Akademik UTM	Bahagian Pengurusan Akademik
Polisi dan Prosedur Penubuhan, Pembubaran dan Atribut Entiti Akademik 2013	Bahagian Pengurusan Akademik

SEKSYEN 4 – TADBIR URUS

TANGGUNGJAWAB

Pemilik Polisi	Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Pengurus Polisi	Urus setia Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

KAWALAN VERSI DAN KRONOLOGI PERUBAHAN

Nombor Versi	Tarikh Diluluskan	Diluluskan Oleh	Pindaan
01	17 Jun 2015	Senat	-

LAMPIRAN 1

Borang pendaftaran bidang tujuhan / keahlian kumpulan
penyelidikan

Niche Area / Research Group (RG) Membership Registration Form

Niche Area/Research Group (RG) Membership Registration Form
Section A: Applicant's Particulars

Name:		Staff ID/No:	
IC/Passport No:		Position Grade:	
Faculty:		Department:	
Primary Email:		Secondary Email:	
Office Phone No:		Mobile Phone No:	
Field of Expertise:			

Section B: Niche Area (Choose one only)

Frontier Materials	
Health and Wellness	
Innovative Engineering	
Resource Sustainability	
Smart Digital Community	

Section C: SDRG / MDRG (Choose one only)

Single Discipline Research Group (SDRG)	
Multi Discipline Research Group (MDRG)	

Name of RG: _____

Applicant's Signature & Stamp:		Date:	
---	--	--------------	--

Section D: Approval by RG Leader

Remarks: _____

RG Leader's Signature & Stamp :		Date:	
--	--	--------------	--

Section E: Secretariat, Office of Deputy Vice Chancellor (Research & Innovation)

Remarks: _____

Signature & Stamp:		Date:	
-------------------------------	--	--------------	--

Note:


For Single Discipline Research Group, please send a copy to the Dean of the Faculty

For Multi Discipline Research Group, please send a copy to the Dean of Research Alliance/Niche Area

Niche Area/Research Group (RG) Membership Registration Form

Process Flow for Niche Area/Research Group Registration for Academic Staff

Officer-in-charge (Mr Chew/Ms Fadzlin)



*Form can be obtained from <http://www.utm.my/office-dvcric/download/>

Note:

For Single Discipline Research Group, please send a copy to the Dean of the Faculty

For Multi Discipline Research Group, please send a copy to the Dean of Research Alliance/Niche Area

LAMPIRAN 2

Borang permohonan keahlian Pusat Kecemerlangan atau
Pusat Penyelidikan

*Centre of Excellence (CoE) / Research Centre (RC)
Membership Application Form*

Centre of Excellence (CoE)/Research Centre (RC) Membership Application Form
Section A: Applicant's Particulars

Name:		Staff ID/No:	
IC/Passport No:		Position Grade:	
Faculty:		Department:	
Primary Email:		Secondary Email:	
Office Phone No:		Mobile Phone No:	
Field of Expertise:			

Section B: Niche Area (Choose one only)

Frontier Materials	
Health and Wellness	
Innovative Engineering	
Resource Sustainability	
Smart Digital Community	

Section C: CoE / RC

Name of CoE/RC		
Research Fellow		
Associate Research Fellow		

I hereby agree to accept all the terms & conditions applied

Applicant's Signature & Stamp:		Date:	
---	--	--------------	--

Section D: Recommendation by Director of Centre of Excellence/Research Centre

Remarks:			
CoE/RC Director's Signature & Stamp:		Date:	

Section E: Approval by Dean of Faculty

Remarks:			
Dean of Faculty's Signature & Stamp:		Date:	

Section F: Secretariat, Office of Deputy Vice Chancellor (Research & Innovation)

Remarks:			
Signature & Stamp:		Date:	

Centre of Excellence (CoE)/Research Centre (RC) Membership Application Form

Appendix A

Terms of References: CoE/RC Memberships for Academic Staff

1. Definition

- 1.1. Research fellows (RF) are academic staffs that are full time member at Centre of Excellence (CoE) or Research Centre (RC).
- 1.2. Associate research fellows (ARF) are academic staff that are part-time member at CoE or RC.

2. Job Scope & Responsibility

- 2.1. RF and ARF will conduct research related activities according to their respective niche area.
- 2.2. RF will;
 - 2.2.1. Fulfil the KPI as stated in Section 3.
 - 2.2.2. Prioritize the KPI of CoE such as income generation and consultancy.
- 2.3. ARF will;
 - 2.3.1. Fulfil the KPI as stated in Section 3.
 - 2.3.2. Prioritize the KPI of faculty such as teaching, supervision, accreditation and publication.
- 2.4. RF and ARF as well as Research Group (RG) leaders and members must abide by all rules and regulations of the university.


3. Contribution to Key Performance Index (KPI)

- 3.1. All research input and output measurable as KPI are multi-claimable by different PTJ of the academic staff; the main PTJ and the research entity.
- 3.2. KPI cannot be claimed by PTJ in the same category; such as two faculties or two CoE/RC.
- 3.3. KPI will be based on the Online Yearly Performance Assessment System (eLPPT).
- 3.4. The measurable findings will be based on the items listed in eLPPT.
- 3.5. The output weightage is as follows:
 - 3.5.1. ARF is as same as academic staff at the faculty.
 - 3.5.2. RF is 20 percent more compared to academic staff at the faculty.
 - 3.5.3. Non Malaysian RF or ARF is 30 percent more compared to academic staff at the faculty.
 - 3.5.4. RF whose status are Total Research and do not possess teaching workload is 70 percent more compared to academic staff at the faculty.

Subject to Amendments by UTM Senate.

Centre of Excellence (CoE)/Research Centre (RC) Membership Application Form

Process Flow



*Form can be obtained from <http://www.utm.my/office-dvcric/download/>

*A copy of the form must be sent to the Director of the CoE or the Senior Director of the Institute

GUIDELINES:

1. Academic staff has to understand and agree to abide by the Policy of UTM Research Entities Membership as in Appendix A before filling up the Application Form for appointment either as Research Fellow or Associate Research Fellow at Centre of Excellence (CoE). The form can be downloaded from Office of DVCRI website (<http://www.utm.my/office-dvcric/download/>).
2. Academic staff has to submit the completed form to Office of Deputy Vice Chancellor (Research and Innovation) (Attention to: Strategic Unit, Officer-in-charge (Mr Chew/Ms Fadzlin)).
3. Any enquiries regarding appointment letter, please contact Strategic Unit, Office of Deputy Vice Chancellor (Research and Innovation) at +607-5530356/31187.

Note: A copy of the form must be sent to the Director of the CoE or the Senior Director of the Institute